



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR  
JABATAN PERDAGANGAN  
DIPLOMA IN KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM**

**E-KONSEP JUAL BELI SECARA ATAS TALIAN DALAM ISLAM**

**KELAS DIB5B (GROUP 4)**

<b>NAMA</b>	<b>NO PENDAFTARAN</b>
<b>NURIN ATINA BINTI ALIADDI</b>	<b>10DIB19F1023</b>
<b>NUR AINA' NATASYA BINTI MOHD YUSOF</b>	<b>10DIB19F1049</b>
<b>NOOR ISWANI BINTI ZAKARIA</b>	<b>10DIB19F1043</b>
<b>FAIRUZA BINTI MOHD SOHAINI</b>	<b>10DIB19F1205</b>
<b>NURSHAFIZA NABILA BINTI MOHAD ASREI</b>	<b>10DIB19F1017</b>

**JABATAN PERDAGANGAN**

**SESI 1 2021/2022**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR</b>	<b>I</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR</b>	<b>II</b>
<b>PERAKUAN PELAJAR</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>V</b>

## **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2 - 3
1.3 Pernyataan masalah	3 - 5
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Justifikasi kajian	6 - 7
1.6 Skop projek	7
1.7 Takrifan Istilah	8 - 9
1.8 Kepentingan Kajian	9 - 10

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	11
2.2	Kajian-Kajian Lepas	11-14

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	15
3.2	Rekabentuk Kajian	15-23
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	
3.2.3	Kaedah Pengumpulan Data	
3.2.4	Kaedah Analisis Data	

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pendahuluan	24
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	24 - 28
4.2.1	Projek Jenis Nyata	
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	28 - 31

4.3.1 Impak Produk

4.4	Kos Penghasilan Projek	31
-----	------------------------	----

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	32
5.2	Kesimpulan	32
5.3	Cadangan	33 - 34
5.4	Limitasi Kajian	34 - 35
5.5	Rumusan	35

<b>RUJUKAN</b>	36
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	37 - 38
-----------------	---------

## **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

Laporan projek ini yang bertajuk E-Konsep Jual Beli Secara Atas Talian Dalam Islam telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.



Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK MOHAMMAD NAJWA BIN MUHAMMAD HASBULLAH

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

## PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”



1. Tandatangan :

Nama: NURIN ATINA BINTI ALIADDI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1023



2. Tandatangan:

Nama: NUR AINA' NATASYA BINTI MOHD YUSOF

No. Pendaftaran: 10DIB19F1049



3. Tandatangan:

Nama: NOOR ISWANI BINTI ZAKARIA

No. Pendaftaran: 10DIB19F1043



4. Tandatangan:

Nama: FAIRUZA BINTI MOHD SOHAINI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1205



5. Tandatangan:

Nama: NURSHAFIZA NABILA BINTI MOHAD ASREI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1017

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPD50163 Business Project yang bertajuk E-Konsep Jual Beli Secara Atas Talian Dalam Islam, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek iaitu Encik Mohammad Najwa Bin Muhammad Hasbullah, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, E-Konsep Jual Beli Secara Atas Talian Dalam Islam bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Projek ini merupakan usaha sama dari ahli kumpulan empat yang terdiri daripada Nurin Atina Binti Aliaddi, Noor Iswani Binti Zakaria, Nur Aina' Natasya Binti Mohd Yusof, Nurshafiza Nabila Binti Mohad Asrei dan Fairuza Binti Mohd Sohaini dan yang turut serta memberi bimbingan mahupun tunjuk ajar dari penyelia ialah En Mohammad Najwa Bin Muhammad Hasbullah dalam merealisasikan inovasi e-konsep jual beli secara atas talian menurut islam. Jual beli secara atas talian menurut islam merupakan satu kaedah jual beli yang hebat diperkatakan pada masa kini serta dikenali sebagai e-dagang atau e-commerce. Jual beli juga merujuk kepada pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal. Isu yang dihadapi oleh pelajar iaitu kurang kefahaman dalam hukum, rukun serta dalil jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Justeru kajian ini dijalankan untuk para pelajar DIB bagi memudahkan pembelajaran dan pembelian mengikut konsep dan hukum jual beli atas talian dengan lebih mudah dan jelas. Tambahan pula, kaedah kajian yang digunakan dalam mengumpul data responden adalah menggunakan analisis SWOT malahan dapatan kajian menunjukkan peratusan yang tinggi daripada responden yang mengatakan kurang kefahaman terhadap jual beli secara atas talian menurut perspektif islam.

Produk ini telah dikomersialkan kerana dari sudut muamalat islam, masih ramai yang tidak menyedari hukum fardu ain iaitu wajib ke atas setiap individu untuk belajar muamalat Islam apabila mereka mahu terlibat dengan jual beli dalam talian. Oleh sebab itu pihak pengkaji mengkomersialkan produk ini khas untuk membantu pelajar belajar tentang ilmu jual beli dalam talian mengikut perspektif islam untuk dapat mengelakkan diri daripada perangkap riba, perjudian, gharar dan kezaliman ketika bertransaksi. Produk inovasi iaitu e-book merupakan bahan bantuan pengajaran yang sangat sesuai dengan zaman terkini kerana memaparkan tulisan yang jelas, kombinasi kontra warna yang menarik, tema yang sesuai dan menjelaskan bahan rujukan yang terperinci dan jelas untuk memastikan pelajar faham tentang jual beli atas talian dalam islam. Selain itu, produk e-book ini berbeza dengan buku cetak yang ada di pasaran lain kerana e-book ini merupakan buku digital yang boleh dibawa kemana sahaja dengan mudah dan

tidak mengenakan kos bayaran untuk beli. Jadi pelajar boleh membaca dan menambahkan ilmu di bahan rujukan yang ada pada e-book ini dengan mudah. Kesimpulannya, dengan wujudnya inovasi e-book ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai dan juga dapat memudahkan pelajar untuk mencari nota-nota penting berkaitan jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Secara tidak langsung, e-book ini juga dapat membantu pelajar dalam memahami kaedah jual beli secara atas talian dengan lebih mudah menurut perspektif Islam.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian, skop kajian, takrifan istilah dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang e-konsep jual beli secara atas talian dalam Islam.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) Politeknik Seberang Perai (PSP) mengenai konsep dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk para pelajar DIB membantu memahami konsep dan hukum jual beli atas talian dalam Islam dengan lebih mudah dan jelas. Hal ini demikian, dapat menjimatkan masa dan kos kepada para pelajar kerana hanya mengakses e-book tersebut melalui internet sahaja. Memandangkan sekarang semua pelajar hanya belajar di atas talian, secara tidak langsung para pelajar dapat meningkatkan kefahaman mengenai sistem dan hukum jual beli atas talian atau lebih dikenali sebagai (e-dagang).

Sehubungan dengan itu, aplikasi e-book atau dikenali sebagai e-konsep jual beli secara atas talian dibangunkan. Aplikasi ini merangkumi konsep, rukun jual beli, hukum dan dalil-dalil serta pandangan ilmuan Islam berkaitan jual beli secara atas talian. E-konsep jual beli atas talian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar DIB mengenai konsep dan hukum jual beli secara atas talian pada masa kini menurut perspektif Islam. Selain itu, e-konsep ini juga adalah untuk dijadikan proses pembelajaran dan pengajaran berkaitan jual beli dalam Islam lebih menarik di samping menyokong sistem pembelajaran dan pengajaran dalam talian yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi pada masa kini.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Jual beli secara atas talian merupakan satu kaedah jual beli yang hebat diperkatakan pada masa kini. Jual beli membawa maksud jualan yang telah ditentu harganya (Ibn Manzur, 1996). Jual beli juga merujuk kepada pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal. Manakala secara atas talian yang dikenali sebagai e-dagang atau *e-commerce* merupakan transaksi baru dalam dunia perniagaan. Pada masa sekarang, jual beli secara atas talian ialah sistem perniagaan yang menggunakan kemudahan teknologi maklumat, terutamanya telekomunikasi yang canggih untuk berurusan dengan pelanggan.

Menurut Suhana dan Maisharah, (2016). E-dagang secara umumnya adalah “satu sistem yang membolehkan penjualan dan pembelian barangan atau perkhidmatan oleh penjual dan pengguna di internet”. Selari dengan peredaran zaman, platform e-dagang lebih banyak digunakan oleh pengguna masa kini dalam transaksi jual beli barang berbanding pembelian secara langsung di kedai atau di pasar raya. Selain itu, platform yang lebih mudah digunakan dan dikatakan lebih mesra pelanggan menyebabkannya semakin popular di kalangan pengguna. Antara contoh platform yang kini berkembang pesat di Malaysia ialah Lazada dan Shoppe. Selain itu, terdapat lawan web jual beli yang menawarkan kepelbagaian barangan dari keperluan sehingga ke barangan berstatus kehendak. Oleh sebab itu, para ahli fuqaha berhadapan dengan cabaran baru dalam menyata dan memperjelaskan hukum-hakam yang berkaitan kerana tiada perbahasan khusus dalam kitab klasik.

Jual beli adalah salah satu tajuk dalam subjek Fiqh Muamalat yang dipelajari oleh pelajar Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Subjek Fiqh Muamalat sangat meluas untuk dipelajari dan dikaji. Oleh itu, satu kajian perlu dititikberatkan dan dilaksanakan bagi memudahkan pelajar membuat pencarian. Kajian ini akan memberi penjelasan yang ringkas. Sebagaimana, tajuk jual beli secara atas talian yang memerlukan pengkajian yang mendalam untuk

difahami kerana terdapat rukun, dalil-dalil serta hukum-hukum dan isu-isu yang timbul di dalam pelaksanaannya (Nor Adila dan Nor Azlina, 2008).

### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) ialah kurangnya kefahaman pelajar tentang rukun, dalil-dalil, hukum-hukum serta isu-isu jual beli secara atas talian. Oleh itu, isu kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai terhadap sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Seringkali dikhabarkan mengenai kes-kes penipuan jual beli secara atas talian yang membabitkan pengguna yang tidak mengira umur, bangsa dan keturunan. Masalah yang sering berlaku adalah seperti perbezaan barang yang diterima dengan spesifikasi yang diberikan di atas talian dan tidak menerima barang seperti yang dijanjikan. Seterusnya, terdapat juga isu mengenai kerosakkan barang sama ada sebelum membuat pengeposan, semasa dalam perjalanan atau semasa tiba ke destinasi. Nabi SAW telah bersabda:

“Barang siapa menjual barangan yang cacat di mana ia tidak menerangkannya, nescaya ia sentiasa di dalam kemurkaan Allah, dan Malaikat tidak akan henti-henti melaknatnya”, (hadis riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Selain itu, terdapat pelbagai isu yang melibatkan undang-undang syariah dalam perniagaan e-dagang yang memerlukan penelitian dan kajian secara terperinci. Dua perkara yang perlu dilihat dan diteliti pada barang yang dijual secara atas talian, iaitu hukum melakukan kontrak ke atas barang yang tidak dapat dilihat (ghaib) ketika kontrak dilakukan dan hukum melakukan kontrak ke atas barang yang masih belum ada. Barangan yang dijual secara atas talian tidak dapat dilihat oleh pembeli ketika kontrak dilakukan. Jika melihat kepada rukun barang yang hendak dijual, barang tersebut mesti wujud ketika kontrak dilakukan, oleh sebab itu, dalam keadaan jual beli atas talian, syarat tersebut tidak dapat dipenuhi. Berdasarkan pendapat mazhab Maliki, Hambali dan sebahagian Syafie, jual beli barang yang ghaib ketika kontrak dilakukan adalah sah dengan syarat

barang tersebut perlu dinyatakan sifat dan ciri-cirinya secara terperinci (Ahmad Jazlan, Joni Tomkin dan Mohd Borhanuddin,2015)

Melalui kajian selidik yang telah dijalankan, pengkaji mendapati separuh daripada 50 pelajar kurang memahami dengan jelas tentang jual beli secara atas talian. Seterusnya, 70% pelajar tidak mengetahui hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Selain itu, seramai 62% pelajar pernah mengalami kes penipuan dalam jual beli secara atas talian. Hasil dari kaji selidik, sebanyak 82% pelajar yang berminat untuk mempelajari tentang ilmu jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

Justeru itu, dengan terhasilnya produk inovasi yang akan dibuat diharapkan dapat menyelesaikan isu masalah yang dihadapi oleh pelajar DIB serta pelajar dapat memahami dengan jelas tentang jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Sehubungan dengan itu, produk inovasi yang akan dihasilkan adalah sebuah e-book yang berkonsepkan nota ringkas dan peta minda secara digital. E-book ini akan membincangkan definisi, rukun, dalil-dalil Al-Quran dan Al-Sunnah, pandangan ilmuan Islam serta hukum berkaitan jual beli secara atas talian dari perspektif Islam. Dengan adanya inovasi e-book ini, pelajar DIB dapat menjimatkan kos dan masa untuk mencari sumber-sumber tambahan berkaitan sistem jual beli secara atas talian dalam Islam. E-book ini memudahkan kerana ianya berbentuk digital dan terdapat di dalam alat komunikasi elektronik di setiap pelajar.



Rajah 1.1 Bungkusan Barang Rosak

## **1.4 OBJEKTIF PROJEK**

Objektif projek adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai terhadap sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.
2. Mencadangkan sebuah e-book untuk pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai memahami sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam dengan lebih mudah dan jelas.

## **1.5 JUSTIFIKASI PROJEK**

Projek ini dipilih berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji dalam mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam dalam kalangan pelajar DIB, Politeknik Seberang Perai. Pengkaji bercadang untuk mencipta sebuah e-book yang membincangkan konsep dan hukum jual beli secara atas talian. E-book ini dicipta berkonsepkan nota ringkas dan peta minda secara digital yang menarik tentang definisi, rukun, dalil-dalil Al-Quran dan Al-Sunnah serta pandangan ilmuan berkaitan jual beli secara atas talian.

Selain itu, e-book ini juga mengemukakan tentang cara bagaimana untuk berurusan jual beli secara atas talian menurut Islam. Dengan adanya sistem e-book ini, pelajar DIB dapat mempelajari dengan lebih mudah tentang sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Hal ini dapat memudahkan dan menjimatkan kos serta masa pelajar dalam mencari info-info tambahan berkaitan sistem dan hukum jual beli secara atas talian kerana e-book merupakan kemudahan yang berbentuk digital dan terdapat dalam alat telekomunikasi setiap pelajar.

Pihak pengkaji juga memilih kaedah analisis SWOT untuk diterapkan di dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar DIB Politeknik Seberang Perai

terhadap jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Dengan adanya kaedah analisis SWOT ini pengkaji dapat menilai kelemahan dan kekuatan kajian yang dijalankan. Oleh itu, berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji mengenai kurangnya pengetahuan tentang jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam, maka pihak pengkaji mewujudkan sistem e-book ini agar dapat meningkatkan pengetahuan pelajar DIB dalam membuat urusan jual beli secara atas talian.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang muamalat Islam yang membincangkan berkaitan isu sistem dan hukum jual beli secara atas talian. Secara khususnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar DIB, Politeknik Seberang Perai terhadap sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Seterusnya, kajian ini bagi pengkaji mencadangkan membangunkan sebuah e-book untuk pelajar DIB, PSP bagi memahami sistem dan hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam dengan mudah dan jelas. Hal ini perlu diperketahui oleh pelajar agar kegiatan yang dilakukan tidak lagi melanggar batasan agama. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi sistem dan hukum jual beli secara atas talian. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian

## 1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Jual beli dalam Bahasa arab ialah al-bai'. Menurut Ibn Manzur (1996), al-bai' membawa maksud jualan yang telah ditentukan harganya. Al-bai' juga bermaksud menjual, mengganti, menukarkan sesuatu dengan sesuatu yang lain Hasan, (2003). Jual beli dari sudut bahasa bermaksud menukarkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Manakala pengertian dari segi syarak pula bermaksud menukar harta yang mempunyai nilai mengikut cara-cara tertentu yang diharuskan syarak dengan lafaz ijab dan qabul. Oleh itu, konsep jual beli harus melibatkan sesuatu harta mengikut nilai syarak. Ia juga perlu membabitka, pemiiikan dan penyerahan hak milik dan tidak boleh ditetapkan untuk tempoh tertentu sahaja Mustofa et.al (2004).

Menurut Mustafa et. Al, (2004) jual beli juga perlu membabitkan pemilikan dan penyerahan hak milik dan tidak boleh ditetapkan untuk tempoh tertentu sahaja. Menurut Iman Hanafi jual beli ialah, menukarkan barang atau harta dengan barang atau harta milik orang lain yang dilakukan dengan cara ijab dan qabul. Menurut Imam Nawawi pula, jual beli merupakan proses tukar menukar barang dengan barang dengan tujuan pemilikan (Syarbini,2003).

Seterusnya, menurut Ibnu Qudamah jual beli adalah tukar menukar barang dengan barang bertujuan memberi kepemilikan dan menerima hak milik (al-Zuhailiy, 1985). Menurut fuqaha mazhab Maliki, jual beli dari sudut syarak ialah sesuatu aqad (a-Dusuqi, T.t), manakala menurut mazhab Syafie, jual beli istilah syarak adalah pertukaran barangan dengan barangan lain melalui cara-cara tertentu (al-Syarbini, 1981).

Jual beli dalam talian atau lebih dikenali sebagai E-dagang merupakan salah satu medium perniagaan terkini yang banyak diaplikasikan oleh para peniaga pada masa kini (Nik Rahim, 2009). E-dagang boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang membolehkan penjualan dan pembelian barangan atau perkhidmatan oleh penjual dan pengguna di internet (Suhana Safari & Maishaarah, 2013). E-dagang juga merupakan sistem perniagaan yang menggunakan kemudahan teknologi maklumat, terutamanya telekomunikasi yang canggih dan talian internet untuk berurusan dengan pelanggan. Kemudahan internet telah memudahkan lagi perniagaan e-dagang dijalankan dan proses untuk membuat penjualan dan pembelian secara atas talian. Selain itu, e-dagang juga

melibatkan kegiatan prniagaan yang menggunakan internet sebagai instrument pemasaran dengan jangkauan potensi jualan seantero dunia Noordin, (2012).

Pada asasnya, e-dagang terbahagi kepada dua jenis, iaitu e-dagang antara perniagaan dengan perniagaan dan e-dagang antara perniagaan dengan pengguna. E-dagang antara perniagaan dengan perniagaan melibatkan transaksi antara dua pihak atau lebih syarikat, iaitu satu pihak merupakan syarikat pembekal kepada satu pihak yang lain. E-dagang antara perniagaan dengan pengguna pula, melibatkan transaksi antara penjual produk akhir dengan pengguna (Zulfamy et.al., 2016).

Justeru itu, kemudahan internet pada hari ini tidak lagi dianggap sebagai trend, tetapi merupakan media yang memudahkan urusan jual beli atas talian. Internet sebagai medan informasi yang efektif dan efisien serta dapat diakses oleh semua masyarakat (Elpina & Deni, 2015). Aplikasi e-dagang ini memudahkan lagi aktiviti perniagaan dijalankan pada setiap masa tanpa mengira tempat (Nik Rahim, 2009 & Haniah, 2015).

## **1.8 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian difokuskan kepada pelajar (DIB) di mana kajian ini dijalankan di Politeknik Seberang Perai (PSP). Kajian yang dijalankan ini dapat memberi imput tentang e-konsep sistem dan hukum jual beli secara atas talian atau dikenali sebagai (e-dagang) untuk membantu pelajar (DIB) di sekitar Politeknik Seberang Perai (PSP). Hasil dari kajian ini juga akan menjadi pengukur kepada kemahiran dan pengetahuan pelajar terhadap penggunaan e-konsep dalam pembelajaran serta memberi gambaran kepada pihak Politeknik Seberang Perai (PSP) bagi meningkatkan kemampuan dan ilmu pengetahuan kepada pelajar mengenai E-konsep sistem dan hukum jual beli secara atas talian.

Selain itu, hasil dari kajian ini juga memberi manfaat kepada pelajar dan orang ramai. Contohnya, aplikasi E-konsep merupakan salah satu media belajar atau informasi yang saat ini telah menjadi primadona di bidang media terutama sumber digital pada masa kini. E-konsep memiliki peranan yang penting sebagai sumber belajar kerana ia menyediakan blog dan website bagi memudahkan pelajar mencari data atau maklumat yang lebih tepat. E-konsep juga mampu menyimpan banyak

data serta mempunyai produksi yang tidak terbatas sehingga tidak ada istilah 'out of prints'. E-konsep merupakan medium kedua buku elektronik yang memiliki kemampuan gerakan atau warna.

Justeru, hasil kajian ini juga dapat memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar mengenai hukum jual beli secara atas talian, serta dapat menyampaikan maklumat dengan lebih pantas dan mudah melalui E-konsep digital selain dengan kecanggihan dunia teknologi pada hari ini yang menyaksikan pelbagai aplikasi diperkenalkan bagi memudahkan masyarakat mahupun pelajar meneruskan kehidupan seharian. Oleh itu, pengkaji mengharapkan pengkaji akan datang dapat menaik taraf kajian ini agar pelajar dan orang ramai dapat memberi idea dan kemudahan kepada generasi akan datang agar mereka tidak ketinggalan mengenai kajian yang telah dijalankan. Kemunculan aktiviti beli secara atas talian (e-dagang) juga merupakan muamalah yang tidak bercanggah dengan sistem jual beli yang telah ditetapkan oleh syarak dan rukun jual beli. Hukum asal bagi sesuatu itu juga adalah mubah (harus), maka menjual atas talian (e-dagang) juga harus selagi mana ia menepati rukun dan syarat jual beli yang telah digariskan oleh islam bagi menjamin kemaslahatan manusia secara keseluruhannya.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian ini, iaitu E-Konsep Jual Beli Atas Talian. Carian mengenai kajian-kajian lepas dan karya terdahulu dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan tajuk kajian. Di negara maju, jual beli secara atas talian sudah lama diamalkan dan trend ini semakin rancak berkembang dalam kalangan masyarakat tempatan. Jual beli secara atas talian juga telah membuka peluang kepada pembeli untuk mendapat barangan yang tidak dijual di negara ini secara eksklusif, bahkan membolehkan pengguna memiliki barangan edisi terhad serta mendapatkannya dengan harga yang lebih murah. Pembeli juga boleh melihat barangan yang ingin dibeli, membuat perbandingan dari segi harga, kualiti dan jenama sebelum membuat tempahan. Selain itu tajuk ini juga membincangkan tentang kajian jual beli secara atas talian dan kajian berkaitan keberkesanan aplikasi e-book.

#### **2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan peyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan jual beli atas talian.

##### **2.2.1 Kajian Berkaitan Jual Beli Atas Talian**

Terdapat lima kajian berkenaan jual beli atas talian yang ditemui oleh penyelidik. Kajian yang dijalankan oleh Noraznida Husin & Siti Nurasidah Roslan (2020) adalah untuk melihat trend membeli-belah dalam talian yang menjadi norma baharu pada masa kini akibat penularan wabak Covid-19. Aktiviti jual beli dalam talian mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus April 2020, ketika negara menguatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bermula Mac 2020

(Berita Harian, 2020). Seterusnya, menurut Noradilah Abdul Wahab (2019) penggunaan internet merupakan alternatif baru dalam urusan perniagaan (e-dagang) pada hari ini dan penggunaannya sangat efisien kerana penjual tidak memerlukan ruang yang tertentu, serta tidak terikat dengan masa.

Di samping itu, menurut Zaleha Yazid (2016) adalah menjadi kemudahan kepada golongan mahasiswa yang mempunyai kekangan masa untuk keluar membeli-belah selain sifat semulajadi mereka yang inginkan sesuatu yang cepat dan senang. Dalam kajian berkenaan, pengkaji mengenal pasti faktor yang mempengaruhi aktiviti pembelian secara atas talian khususnya dalam kalangan mahasiswa. Sampel kajian dijalankan keatas 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar mahasiswa. Hasil kajian mendapati bahawa faktor kepercayaan dan risiko telah dikenal pasti sebagai faktor utama golongan mahasiswa dalam membuat keputusan untuk melakukan pembelian secara atas talian.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Suzanna Azmieyda Mamat & Mohd Zainudin Othman (2016) menjelaskan bahawa untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai etika perniagaan atas talian dan dijadikan panduan kepada peniaga dan pengguna perkhidmatan atas talian. Kajian tersebut menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan antara faktor kepercayaan dan pengalaman individu dengan etika perniagaan atas talian.

Akhirnya, kajian Nur Sakinah (2017) adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian secara atas talian dalam kalangan guru-guru di SMK Ulu Tiram. Kajian tersebut dijalankan ke atas 25 orang responden yang terlibat secara berfokus dan 3 orang responden melalui kaedah temu bual. Hasil dapatan kajian ini menyatakan bahawa pembelian atas talian amat diminati dalam kalangan guru-guru di SMK Ulu Tiram.

### **2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi E-konsep (E-book)**

Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap kajian-kajian lepas dan karya terdahulu, terdapat lima kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu berkaitan e-book. Antaranya kajian yang

dilakukan oleh Nor Hazidah Awang (2016), Nasrul Makdis (2020), Nor Silawati Binti Aliman(2016), Yusnimar (2015) dan Resi Yulia Aftiani (2021).

Nor Hazidah Awang (2016) menyatakan teknologi mempunyai kesan yang mendalam dan ia adalah sesuatu yang harus diterima oleh masyarakat. Mereka yang berkemahiran akan terus bersaing seiring dengan pembangunan teknologi. E-book merupakan salah satu teknologi yang telah mengubah bentuk maklumat. Mungkin sebelum ini kita tidak pernah terfikir akan kewujudan teknologi seperti ini. Namun pengguna akan lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat yang lebih pantas dengan mengguna teknologi tersedia dan maklumat tanpa batasan melalui Internet berbanding dengan kaedah mendapatkan maklumat secara tradisional yang memakan masa dan agak terbatas (Nor Hazidah Awang, 2016). Walau bagaimanapun, penggunaan e-book tidak semudah penggunaan buku bercetak. E-book mengandungi aturcara, format dan kaedah tertentu yang harus diketahui sebelum pengguna boleh memulakan pembacaan. Umumnya, pengguna perlu mempunyai pengetahuan asas tentang kaedah membaca e-book tersebut.

Selain itu, menurut Nasrul Makdis (2020) pembangunan teknologi serba digital sangat mudah untuk mengakses kepada penciptaan e-book. Adanya e-book akan memudahkan pengguna mengakses sumber bacaan yang dikehendaki di mana-mana dan pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun, penggunaan e-book tidak dapat dipisahkan daripada kekurangan adanya e-book tersebut. Penggunaan e-book pada Era digital ini juga memberi implikasi negatif kepada kehidupan seharian manusia khususnya yang berkaitan dengan aktiviti sosial seperti membaca, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya.

Kajian Nor Silawati Binti Aliman (2016) pula mendapati penggunaan E-book dapat mengurangkan beban pelajar untuk membawa buku teks setiap hari ke sekolah atau universiti. Selain itu, penggunaan E-book juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknologi terkini yang canggih. Peranti E-book yang digunakan oleh para pelajar dan guru telah memberikan suatu perubahan dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran yang selari dengan arus semasa. Kaedah pembelajaran lebih terbuka di mana pelajar dapat mengakses pelbagai maklumat dengan lebih cepat. E-book direka untuk penyimpanan bahan bacaan dan memberikan paparan kepada guru dan pelajar untuk pembacaan dalam pengajaran dan pembelajaran (Nor Silawati Binti Aliman, 2016).

Seterusnya, kajian Yusnimar (2015) pula menyatakan bahawa buku elektronik merupakan salah satu produk pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi yang kini boleh diakses dengan mudah melalui internet. Keadaan ini bermakna bahawa akses kepada buku tidak terhad dan boleh dilakukan oleh semua orang. Sesiapa sahaja boleh mengakses buku dan menerbitkan buku di internet. Ini bermakna setiap orang mempunyai keupayaan mencari dan menyebarkan maklumat dan ilmu pengetahuan secara meluas. Dengan kata lain, e-book boleh didapati dalam pelbagai media internet. Interaksi antara pengguna internet berkembang daripada cara menerbitkan diri mereka, fikiran mereka dan karya mereka menggunakan pelbagai media. E-book adalah perubahan tertumpu kepada pengguna.

Akhir sekali, menurut Resi Yulia Aftiani (2021) dengan kemajuan teknologi pada masa ini guru dituntut agar dapat memanfaatkan pelbagai media teknologi maklumat dan komunikasi. Sebelum ini pendidik hanya menggunakan papan putih, buku, dan *power point* biasa sebagai media pembelajaran, manakala pelajar pula hanya mendengar apa yang dijelaskan oleh guru. Hal ini menyebabkan pembelajaran menjadi bosan dan pelajar menjadi kurang berminat dengan proses pembelajaran. Salah satu penyelesaian ialah wujudnya media alternatif dalam pembelajaran agar pembelajaran lebih menarik dan memudahkan pelajar (Resi Yulia Aftiani, 2021). Penggunaan E-book merupakan salah satu media alternatif yang boleh digunakan oleh pendidik mahupun pelajar dalam sistem pembelajaran dan pembelajaran masa kini. Oleh itu, berdasarkan maklum balas daripada soal selidik, penyelidik membuat kesimpulan bahawa e-book dapat meningkatkan kemajuan pelajar dari segi pembelajaran.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat tahap kefahaman pelajar DIB, Politeknik Seberang Perai berkaitan konsep jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Dalam bab ini, penyelidik memfokuskan pembincangan berkaitan reka bentuk kajian, kaedah tinjauan awal keperluan kajian dan produk inovasi, kaedah/ prosedur teknik penghasilan produk dan kaedah analisis data.

#### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Secara umumnya, kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi). Data-data dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah kualitatif (pembangunan produk) dan kaedah kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.


##### **3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi**

Kaedah tinjauan keperluan kajian jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 50 orang

responden. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

## DEMOGRAFI RESPONDEN

Rajah 1 : menunjukkan peratus bilangan responden yang di soal selidik mengikut jantina pelajar Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai.



Rajah 1- Jantina

Dapatan hasil kajian menunjukkan daripada 50 responden, 88.9% terdiri daripada responden perempuan, manakala bakinya sebanyak 11.1% adalah responden lelaki. Maklumat yang lebih jelas dapat dilihat dalam rajah diatas. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar DIB, Politeknik Seberang Perai tentang jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

Jadual 1: Data soal selidik tentang jual beli secara atas talian

BIL	ITEM SOALAN	DATA SOAL SELIDIK
1.	Adakah anda memahami dengan jelas tentang jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam	YA (46%) TIDAK (54%)

2.	Adakah anda mengetahui hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam	YA (26%) TIDAK (72%)
3.	Pernahkah anda terlibat dalam kes penipuan jual beli secara atas talian?	PERNAH (62%) TIDAK PERNAH (38%)
4.	Adakah anda berminat untuk mempelajari tentang ilmu jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam?	BERMINAT (96%) KURANG BERMINAT (4%)
5.	Pada pendapat anda, adakah nota secara sistem e-book melalui atas talian lebih memudahkan para pelajar untuk memahami?	YA (86%) TIDAK (14%)

Melalui kajian selidik yang telah dijalankan, pengkaji mendapati separuh daripada 50 pelajar kurang memahami dengan jelas tentang jual beli secara atas talian iaitu sebanyak 56% pelajar manakala 72% pelajar tidak mengetahui hukum jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Selain itu, seramai 62% pelajar pernah mengalami kes penipuan dalam jual beli secara atas talian. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan juga didapati 82% pelajar yang berminat untuk mempelajari tentang ilmu jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Dapatan daripada soal selidik juga menunjukkan sebanyak 86% pelajar bersetuju untuk adakan e-book bagi memudahkan mereka untuk memahami jual beli secara atas talian dengan lebih mudah.

### **3.2.2 Kaedah/ Prosedur Teknik Penghasilan Produk**

#### **Langkah 1**

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.



Rajah 3.1 Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Melalui perbincangan ini, pihak pengkaji telah mengenal pasti produk yang akan dihasilkan dan mengenal pasti kaedah yang lebih mudah yang ingin digunakan untuk proses pembangunan produk.

## Langkah 2

Langkah seterusnya, pengkaji melakukan proses untuk membuat e-book jual beli secara atas talian di laman sesawang.



Rajah 3.2 Pengkaji memulakan proses membuat e-book.

Penerangan : Produk yang dijalankan adalah sebuah e-book dan proses yang dilakukan adalah melalui app canva. Oleh itu, pengkaji memuat naik apps canva di komputer tiba untuk memulakan proses membuat ebook.

### Langkah 3

Pengkaji mencari maklumat tentang jual beli atas talian di google.



Rajah 3.3 Pencarian maklumat penting mengenai jual beli atas talian.

Penerangan: Pengkaji mencari maklumat berkaitan hukum, rukun jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

### Langkah 4

Pengkaji mencari saiz e-book dan font yang sesuai untuk digunakan.



## Langkah 6

Setelah semua selesai pengkaji mula memasukkan maklumat di dalam e-book.



Rajah 3.6 Pengkaji mula masukkan maklumat penting.

**Penerangan:** Pengkaji memasukkan maklumat-maklumat yang berkaitan didalam e-book untuk dijadikan isi tentang tajuk jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam

### 3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan beberapa bahan dan peralatan dalam menghasilkan kajian ini terutamanya untuk membangunkan sistem e-book jual beli secara atas talian. Penggunaan bahan dan peralatan ini amat penting bagi memastikan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data dan membangunkan lamang sesawang (*website*) berjalan lancar. Bahan dan peralatan yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: bahan dan peralatan yang digunakan dalam menghasilkan kajian dan membangunkan lamang sesawang (*website*)

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Telefon Pintar	Digunakan untuk mengambil gambar semasa melalukan langkah-langkah pembangunan website.

### 3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (strengths, weaknesses, opportunities, threats).

Analisis SWOT merupakan kombinasi perkataan Strengths (S), Weaknesses (W), Opportunities (O) dan Threats (T) (SWOT), iaitu teknik yang digunakan untuk menganalisis faktor kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman produk. Kekuatan (strengths) ialah faktor positif yang wujud dalam organisasi yang membantu pencapaian objektif organisasi manakala kelemahan (weakness) ialah faktor negatif yang wujud dalam organisasi yang membawa kelemahan kepada pencapaian organisasi. Selain itu, Peluang (opportunities) ialah faktor luaran yang member peluang kepada

organisasi untuk mencapai objektif organisasi yang telah ditetapkan. Akhir sekali, Ancaman (Threats) ialah faktor luaran yang membantutkan pencapaian organisasi. Dengan Analisis SWOT, dapat memahami sesuatu produk tersebut dengan lebih baik. Selain itu, jika berlaku sesuatu, analisis swot ini dapat mengatasi kelemahan dengan solusi yang tepat dan dapat mencegah apa berlaku sesuatu ancaman. Analisis SWOT ini juga dapat memanfaatkan peluang yang lebih baik dengan lebih mengembangkan tujuan dan strategi yang sesuai untuk mencapainya. Analisis swot ini digunakan bagi memastikan penghasilan sesuatu produk atau bisnes dengan lebih lancar (Keow CL, 2006).

Analisis SWOT dalam sesuatu pembinaan produk atau bisnes dapat digunakan untuk menghasilkan sebuah pelan yang mengambil kira kekuatan dan kelemahan. Analisis SWOT ini dapat kenal pasti kekuatan perniagaan seperti aspek kualiti produk dan testimoni yang baik, pertaulihan yang diperolehi, pengurusan yang efisien, penggunaan teknologi yang menepati standard, atau apa jua unsur kekuatan dalam yang ada pada produk atau perniagaan. Analisis SWOT juga dapat mengenalpasti kelemahan dalam pembinaan produk dan perniagaan, kita juga perlu kenalpasti kelemahan dalam pembinaan produk atau perniagaan seperti faktor pengurusan yang kurang efisien, teknologi yang terbatas, jumlah kos yang tinggi, dapat menarik tarikan orang ramai atau tidak atau apa jua kelemahan dalaman yang boleh memberi impak negatif.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam mengenai dapatan kajian dan perbincangan berkaitan kajian produk inovasi e-konsep jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Bab ini merangkumi analisis keberkesanan produk, perbincangan mengenai keseluruhan produk yang telah dilakukan untuk menentukan kelebihan, kelemahan, serta masalah produk. Bab ini juga terdapat impak dari projek yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Selain itu, bab ini juga menerangkan mengenai kos perbelanjaan projek yang digunakan berdasarkan kepada setiap bahan-bahan yang digunakan.

#### **4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN**

##### **4.2.1 Projek Jenis Nyata**

Projek e-book yang dijalankan ini merupakan produk jenis nyata dan produk ini merujuk kepada proses, kemajuan teknologi digital, sistem organisasi dan sebagainya yang berkaitan. Bagi menjayakan produk inovasi ini, pengkaji menjalankan kaedah analisis SWOT pada produk inovasi untuk menilai kekuatan, kelemahan, peluang, ancaman, merancang strategi, penambahbaikan, dan persediaan terhadap sebarang aspek cabaran dan kemungkinan pada produk inovasi. Pada peringkat akhir keputusan pengujian, pihak pengkaji menjalankan uji kaji ke atas produk yang telah dihasilkan melalui maklum balas daripada pihak responden melalui google form. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berasa puas hati dengan produk yang dihasilkan oleh pihak pengkaji iaitu e-book jual beli secara atas talian yang merangkumi semua

aspek. Cadangan daripada pihak responden berkaitan dengan tema, kontra warna, saiz font dan lain-lain akan dijadikan asas bagi pengkaji untuk menambah baik produk inovasi ini

#### **a) Analisis SWOT**

Projek yang dijalankan ini melibatkan analisis SWOT pada produk. Terdapat empat analisis SWOT pada produk setelah pengkaji mencipta produk e-book iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

Kekuatan produk e-book ini ialah mudah untuk dipindahkan ke satu peranti ke peranti yang lain melalui sosial media, bluetooth, whatsapp dan lain lain. E-book ini juga boleh menukar dalam bentuk pdf, jadi dengan hanya satu klik sahaja, penerima akan dapat membaca e-book ini dgn lebih mudah. Selain itu, kos yang dikenakan sangat berpatutan dan murah untuk menerbitkan produk e-book kerana tidak perlu mengupah profesional untuk menulis dan reka bentuk produk e-book tersebut. Pengkaji hanya perlu menulis dahulu, mengumpul semua perkongsian maklumat, dan reka bentuk produk dengan menggunakan templat secara percuma di internet.

Kelemahan produk e-book ini ialah membuat mata cepat letih kerana e-book yang dibuka pada peranti digital akan membuat mata cepat letih, terutamanya penggunaan jangka panjang akan menyebabkan kerosakan mata, seperti mata minus. Selain itu, saiz fon lebih kecil salah satu kelemahan pada produk e-book ini kerana ukuran huruf pada e-book tidak seperti buku yang dicetak, terutama jika alat yang digunakan untuk membaca e-book juga kecil, hurufnya akan lebih kecil

Peluang produk e-book ini ialah industri buku bercetak mula tergugat kerana pelajar akan lebih memilih sesuatu yang berbentuk digital daripada buku. pelajar tidak perlu membeli buku bercetak yang sukar disimpan, mudah rosak dan terkoyak malah produk e-book ini menggunakan teknologi

pintar seperti telefon, laptop, komputer dan ipad yang memudahkan pelajar bawa ke mana sahaja sambil membaca.

Ancaman produk e-book ini ialah komuniti kini akan mudah mencuba plagiat produk yang telah pengkaji reka cipta kerana e-book ini menggunakan teknologi pintar. Jadi semua berada di hujung jari sahaja apabila orang mengambil semua maklumat, tema untuk meniru semua tanpa mengubah dan menuntut bahawa produk tersebut mereka yang menciptanya.

### b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 20 responden. Sebanyak 10 item soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang pengetahuan pelajar DIB mengenai jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk e-book jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Saiz dan bentuk tulisan yang digunakan jelas.	1	0	5	14
2.	Kombinasi warna yang sangat menarik.	1	0	5	15

3.	Isi-isi yang diberikan sangat mencukupi.	0	2	4	14
4.	Ayat yang digunakan sangat mudah dibaca dan difahami.	0	1	4	15
5.	Saya jelas memahami rukun dan hukum jual beli atas talian dalam Islam?	0	1	5	14
6.	Produk e-book jual beli atas talian dalam Islam mudah dibawa ke mana mana sahaja.	1	0	4	15
7.	Produk e-book jual beli atas talian dalam Islam telah meningkatkan pengetahuan saya	1	1	3	15
	Ilmu yang dapat daripada produk e-book jual beli	1	1	4	

8.	dalam Islam dapat digunakan dalam kehidupan seharian saya.				14
9.	Produk yang dihasilkan ini mudah diakses di semua peranti.	1	0	6	13
10.	Adakah produk e-book yang dihasilkan mudah untuk disimpan?	0	3	3	14

Berdasarkan jadual di 4.1 di atas menunjukkan dapatan analisis berkaitan produk yang telah dihasilkan. Sebanyak 15 responden sangat setuju bahawa produk inovasi yang dihasilkan dapat dibaca dan difahami dengan jelas berkaitan e-book jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Seterusnya, terdapat 15 responden yang sangat setuju soalan berkaitan produk inovasi yang dihasilkan mudah untuk dibawa kemana sahaja dan 4 orang responden bersetuju. Bagi soalan kelapan pula, sebanyak 14 orang responden sangat setuju bahawa produk e-book ini dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Akhir sekali, terdapat 14 orang responden yang sangat setuju manakala 3 orang responden tidak bersetuju dengan soalan sepuluh iaitu berkaitan produk inovasi yang dihasilkan mudah untuk disimpan. Hal ini kerana, mungkin sesetengah pelajar tidak mempunyai ruang peranti yang besar untuk menyimpan data berkaitan jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam ini.

#### **4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)**

##### **KELEBIHAN**

Antara kelebihan e-book ini adalah ia mudah dibawa. Hal ini kerana penggunaan e-book yang mudah dibawa ke mana-mana dan boleh disimpan sebanyak mungkin dalam komputer atau telefon pintar. Selain itu, e-book lebih murah berbanding buku cetak. Hal ini kerana, proses membuat e-book adalah lebih murah dan tidak memerlukan proses percetakan. Oleh itu, kos yang diperlukan adalah lebih murah.

## **KEKURANGAN**

Kekurangan yang dihadapi adalah saiz fon yang lebih kecil. Hal ini kerana, saiz font pada e-book tidak seperti buku bercetak, terutama jika peranti yang digunakan untuk membaca e-book juga kecil, maka font akan menjadi kecil.

## **MASALAH**

Masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk adalah penggunaan data yang agak tinggi. Pengkaji menghadapi kesukaran semasa membuat e-book kerana penggunaan data yang agak tinggi yang memerlukan penyelidik mencari tempat yang lebih sesuai untuk mencipta e-book.

### **4.3.1 IMPAK PRODUK**

Secara umumnya terdapat tiga impak inovasi produk E-book yang dihasilkan iaitu impak produk terhadap kos, impak produk terhadap masa dan impak terhadap keberkesanan penggunaan produk. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

#### **a) Impak Produk Terhadap Kos**

Penggunaan e-book ini dapat membantu pelajar ke arah penjimatan kos kerana menggunakan e-book tidak perlu mengeluarkan modal berbanding membeli buku serta tidak memerlukan data untuk membuka e-book ini.

**b) Impak Produk Terhadap Masa**

Penggunaan e-book ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi membuat carian berkaitan pembelajaran tentang tajuk jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam berbanding keadaan sebelumnya..

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap masa

<b>BUTIRAN</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Pencarian tentang dalil-dalil jual beli secara atas talian	10 Minit	5 Minit

Jadual di atas menunjukkan impak produk terhadap masa pencarian tentang dalil-dalil jual beli secara atas talian yang hanya mengambil masa singkat untuk mencarinya, kerana ia hanya perlu membuka e-book dan semua telah disediakan.

**c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk**

Keberkesanan penggunaan e-book dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pelajar mahu pun pensyarah. Hal ini kerana produk e-book ini amat mudah digunakan dan boleh disimpan didalam telefon masing-masing.

**Jadual 4.2:**

<b>ASPEK</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Kecekapan	Memuaskan	Amat Baik
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

Jadual di atas menunjukkan impak terhadap keberkesanan penggunaan produk dari segi kemudahan, ia amat baik kerana memudahkan pelajar untuk menggunakan e-book ini dimanamana sahaja. Manakala dari segi kecekapan juga amat baik kerana segala maklumat penting mengenai hukum jual beli atas talian lengkap di dalam e-book.

#### **4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK**

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses pembuatan produk inovasi e-book berkaitan jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam.

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>KOS(RM)</b>
1	Data internet	RM30

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk inovasi e-book yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu pembelajaran pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, setiap projek mempunyai kaedah berbeza yang digunakan untuk membuat projek yang berjaya dan berfungsi dengan baik. Secara umumnya, kaedah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu merancang, melaksanakan dan menganalisis. Dalam fasa perancangan terdapat aktiviti mengumpul maklumat dan beberapa kerja keperluan perkakas dan perisian yang akan digunakan. Dalam aktiviti pengumpulan maklumat, pengkaji melakukan penyelidikan melalui beberapa sumber seperti rujukan kertas, jurnal, internet dan banyak lagi sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai e-konsep jual beli atas talian dalam Islam.

Seterusnya, dalam fasa menganalisis pula, fungsi dan langkah-langkah untuk membuat aplikasi e-book sangat penting untuk di analisis. Dengan adanya langkah-langkah dan kaedah yang sesuai ini, proses penyiapan projek dapat diselesaikan dengan mudah dan berjaya. Sehubungan dengan itu, projek e-konsep jual beli atas talian dalam Islam dapat menyelesaikan masalah pelajar dan memudahkan sesi pembelajaran dengan adanya e-book tersebut.

### **5.3 CADANGAN**

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar(DIB),masyarakat dan pengkaji akan datang.

#### **5.3.1 Cadangan kepada pelajar (DIB)**

Kemajuan teknologi telah mendorong peningkatan penggunaan jual beli secara atas talian di mana ianya telah menjadi suatu keperluan penting terutamanya kepada para pelajar DIB.Oleh itu kami mencadangkan kepada pelajar (DIB) merujuk e-book jual beli atas talian sebelum membuat pembelian kerana di dalam e-book terdapat beberapa info yang dapat membantu pelajar (DIB) semasa membuat pembelian.Pembelian secara atas talian sangat mudah, cepat dan menjimatkan masa kerana segala transaksi dilakukan secara maya.Pelajar (DIB) dinasihatkan supaya lebih berhati hati dan jangan mudah terpedaya semasa membuat pembelian secara atas talian,pelajar (DIB) perlu tahu nama kedai,lokasi kedai serta butiran penjual terlebih dahulu agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kerumitan apabila berhadapan dengan sesuatu perkara atau situasi yang berisiko.Selain itu,kemudahan membeli secara atas talian amat sesuai bagi golongan pelajar (DIB) mahupun pelajar yang menginap di asrama yang mempunyai kekangan masa untuk keluar membeli barang keperluan untuk belajar.Di samping itu,dengan adanya e-book pelajar (DIB) kini bijak memilih untuk membuat keputusan di mana mereka tidak bergantung semata-mata kepada media sosial, malah mereka juga mendapatkan pandangan dan pendapat daripada rakan-rakan yang pernah menggunakan khidmat atau membeli dengan penjual yang sama.

#### **5.3.2 Cadangan kepada masyarakat**

Di era permodenan ini, jual beli secara atas talian menjadi trend pada masa kini. Dengan itu, masyarakat sekarang haruslah menitikberatkan pembelajaran jual beli secara atas talian agar dapat menambah ilmu pengetahuan tentang jual beli mengikut perspektif Islam. Semenjak

perintah kawalan pergerakan (pkp) , penipuan secara atas talian semakin berleluasa. Oleh itu, Pengkaji berharap agar masyarakat dapat membuat penilaian terlebih dahulu ketika ingin membuat pembelian secara atas talian. Terutama perkara yang menandatangani halal dan haram sesuatu produk. Pengkaji bercadang masyarakat umum dapat membuat sesuatu perkara yang membolehkan hukum jual beli secara atas talian dapat dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat pada masa kini.

### **5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang**

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji pada masa akan datang dapat menambahbaikkan lagi ebook berkaitan tajuk jual beli secara atas talian. Hal ini kerana jual beli secara atas talian kini menjadi topik hangat dalam dunia permodenan masa kini. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa pembelian secara atas talian bukan sahaja faktor mudah serta dapat menjimatkan masa yang menyebabkan pembeli tertarik untuk melakukan pembelian secara atas talian pada bila-bila masa, malah situasi atau trend semasa juga menyebabkan mereka lebih berani mengambil risiko bagi membuat pembelian atas talian. Jadi, para pemasar dan peniaga perlulah lebih berhati-hati dalam menyusun strategi demi meraih kepercayaan dan memberikan pengalaman yang positif kepada pengguna. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan pengkaji masa hadapan dapat melakukan kajian atau aktiviti yang menarik perhatian lebih ramai pelajar dan masyarakat dalam pembelajaran tentang tajuk ini serta menjadikan ebook jual beli atas talian sebagai pembelajaran yang penting dalam kalangan pelajar diluar bidang kewangan dan perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai.

### **5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)**

Kekangan utama yang dihadapi oleh pengkaji sepanjang menjalankan proses untuk mencipta produk ialah semasa proses penghasilan kajian literatur. Kekangan ini dihadapi oleh pengkaji disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu jual beli dalam islam atas talian dalam islam. Hal ini kerana, kebanyakan kajian lepas dan maklumat di internet hanyalah memfokuskan jual beli secara fizikal. Justeru itu, Kekurangan bahan

rujukan ini menyebabkan pengkaji mengambil tempoh yang lama bagi membuat mencari bahan rujukan yang bersesuaian dengan tajuk kajian tersebut.

Selain itu, kekurangan sokongan dan kerjasama daripada responden dalam proses pengumpulan data juga merupakan kekangan bagi pengkaji untuk menjalankan kajian soal selidik. Peratusan pengembalian borang soal selidik hanyalah 35% sahaja. Dalam proses pengedaran borang soal selidik, pengkaji telah memberikan masa selama lima hari kepada semua responden untuk memberi maklum balas. Namun begitu, kebanyakan responden tidak mampu menjawab borang soal selidik ketika proses pengutipan dijalankan atas sebab kekangan kerja yang banyak.

## **5.5 RUMUSAN**

Pihak pengkaji mendapati objektif kajian telah dicapai sepenuhnya dengan penghasilan e-book jual beli secara atas talian. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai tentang kefahaman jual beli secara atas talian menurut perspektif Islam. Hasil daripada kajian, pihak pengkaji mendapati terdapat segelintir pelajar DIB yang kurang faham tentang jual beli secara atas talian. Jadi, melalui kaedah yang dihasilkan iaitu e-book, pihak pengkaji berharap agar semua pelajar DIB dapat mendalami tentang ilmu jual beli secara atas talian dengan lebih mendalam supaya mereka tahu bagaimana cara untuk berurusan ketika membuat pembelian atas talian. Antara penghasilan produk yang dihasilkan oleh pihak pengkaji ialah rupa bentuk laman sesawang yang dihasilkan menarik dan padat dengan isi-isi penting dan nota berkaitan hukum jual beli secara atas talian. Ianya untuk menarik minat pelajar untuk membaca dan memahami nota-nota yang telah dihasilkan. Walaubagaimanapun, dalam konteks jual beli secara atas talian dalam talian adalah penting untuk memahami proses-proses pembelian yang dilakukan oleh pengguna terutamanya dikalangan pelajar DIB. Dengan ini dapat membina asas kefahaman pelajar DIB tentang e-book yang dihasilkan dengan lebih senang untuk difahami.

## RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. 1989. *al-Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiah*. Cet. 11. Baghdad:
- Abi Muhammad Abdullah Ibn Ahmad. 1972. *Al-Mughni*. Juzuk 4. Beirut: Dar al-Kitab al-cArabi.
- Elpina Pitriani & Deni Purnama. 2015. Dropshipping dalam Perspektif Konsep Jual Beli Islam. *Jurnal*
- H. Said Agil Husin Al-Munawar. 1998. Konsep al-Maslahah Sebagai salah satu sumber perundangan Islam.
- Muslim Djuned. 2009. Amar Ma'ruf Nahi Munkar Menurut Perpektif Al-Qur'an", *Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah*.

## LAMPIRAN



Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Saiz dan bentuk tulisan yang digunakan jelas.	1	0	5	14
2.	Kombinasi kontra warna yang sangat menarik.	1	0	5	15
3.	Isi-isi yang diberikan sangat mencukupi.	0	2	4	14
4.	Ayat yang digunakan sangat mudah dibaca dan difahami.	0	1	4	15
5.	Saya jelas memahami rukun dan hukum jual beli atas talian dalam Islam?	0	1	5	14
6.	Produk e-book jual beli atas talian dalam Islam mudah dibawa ke mana mana sahaja.	1	0	4	15
7.	Produk e-book jual beli atas talian dalam Islam telah meningkatkan pengetahuan saya	1	1	3	15
8.	Ilmu yang dapat daripada produk e-book jual beli dalam Islam dapat digunakan dalam kehidupan seharian saya.	1	1	4	14
9.	Produk yang dihasilkan ini mudah diakses di semua peranti.	1	0	6	13
10.	Adakah produk e-book yang dihasilkan mudah untuk disimpan?	0	3	3	14

